

Jumaat  
14 Januari  
2011  
9 Safar 1432

# DITERBIT SEJAK 1957 BERITA HARIAN

www.bharian.com.my

Harga Semanang: RM 1.50 Sabah/Sarawak: RM 2.00 Brunei Darussalam: B\$2.00 PP414/10/2011(026520)

bhnews@bharian.com.my Tel: 03-22822323 Faks: 03-22822425

30 | Jumaat 14 Januari 2011

EKONOMI

BH PILIH 30A 14 (emel)

## Pasaran hartanah diunjur kekal positif

### Harga rumah stabil sejajar pemulihan ekonomi

Oleh Azli Ayob  
eayob@bharian.com.my

**R**AHIM & Co Chartered Surveyors Sdn Bhd, antara firma perunding hartanah terbesar di Malaysia, menjangkakan pasaran hartanah tempatan akan kekal positif tahun ini dengan harga kediaman stabil sejajar dengan pemulihan sederhana ekonomi negara.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahim Rahman, berkata kebimbangan umum mengenai berlaku kegiatan spekulasi keterlaluan harga hartanah di Malaysia hanya di kawasan utama di Lembah Klang dan tidak merebak ke seluruh negara.

"Justeru, kejatuhan harga hartanah secara mendadak selepas peningkatan keterlaluan akibat daripada aktiviti spekulasi tidak akan menjadi fenomena di seluruh negara," katanya pada sidang media membentangkan Lapo-

ran Tinjauan Pasaran Hartanah Malaysia bagi 2011 di Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Rahim berkata, dari segi permintaan, Lembah Klang terus menjadi pasaran terbesar sektor hartanah tahun ini merangkumi semua jenis hartanah.

"Permintaan kediaman bertanah di Lembah Klang dijangka terus memberangsangkan di sebalik jangkaan peningkatan harga antara lima dan 10 peratus tahun ini," katanya.

Beliau berkata, orang ramai boleh menjangkakan pelancaran lebih banyak projek perumahan baru tahun ini terutama di kawasan dikenal pasti kerajaan untuk dibangunkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). "Antara kawasan yang dijangka mendapat perhatian pembeli ialah Shah Alam dan Sungai Buloh serta di mana-mana kawasan yang diliputi projek tren MRT," katanya.

Abdul Rahim berkata, me-

ngikuti kaji-selidik syarikat itu yang lebih menumpukan kepada pasaran hartanah di Lembah Klang iaitu pasaran utama sektor hartanah di negara ini, permintaan terhadap kondominium mewah di Kuala Lumpur dijangka kembali rancak mulai 2012 susulan pelaksanaan projek ekonomi di bawah ETP.

"Kesan daripada krisis ekonomi global pada 2008 yang dirasai sehingga tahun lalu menyebabkan pasaran kondominium mewah agak lembap tahun lalu akibat kekurangan minat pelabur dan pembeli," katanya.

Abdul Rahim berkata, kekurangan minat pembeli antaranya disebabkan purata harga kediaman jenis itu bagi tujuan jualan balik misalnya telah jatuh 29 peratus antara suku kedua 2008 dan suku kedua 2009 sebelum meningkat semula sebanyak 13 peratus pada suku ketiga tahun lalu.



**"Kejatuhan harga hartanah secara mendadak selepas peningkatan keterlaluan akibat aktiviti spekulasi tidak menjadi fenomena di seluruh negara"**

Abdul Rahim Rahman  
Pengerusi Eksekutif Rahim & Co

"Prospek harga bagi pelancaran baru pula dijangkakan antara RM750 dan RM2,500 bagi satu kaki persegi," katanya.

Bagi pasaran ruang pejabat pula, Abdul Rahim berkata, permintaan dijangka mula stabil dalam tempoh masa terdekat terutama apabila kesan daripada pelaksanaan projek ETP mulai dirasai tetapi pasaran akan terus mencabar dalam jangka panjang.

## Permintaan ruang pejabat Menara Warisan Merdeka dijangka tinggi

**R**AHIM & Co Chartered Surveyors Sdn Bhd (Rahim & Co), antara firma perunding hartanah terbesar di Malaysia, yakin akan ada permintaan yang tinggi bagi ruang pejabat di bangunan Menara 100 tingkat yang dirancang dan dijangka dibangunkan PNB itu.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahim Rahman, berkata projek itu adalah projek pembangunan masa depan yang mengambill kira peningkatan permintaan ruang pejabat khususnya di Kuala Lumpur dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Masalah dengan kita ialah apabila Perdana Menteri mengumumkan projek itu, kita ingat seolah-olah akan dibuat esok. Ia sebenarnya akan dilaksanakan untuk tempoh tertentu."

"Saya yakin pihak yang terbabit dengan projek itu sudah membuat kajian mendalam mengenai daya maju projek itu termasuk arah aliran permintaan ru-

ang pejabat di Kuala Lumpur bagi tempoh lima tahun akan datang," katanya ketika diminta mengulas mengenai prospek permintaan pasaran bagi Menara 100 tingkat yang dirancang dibangunkan PNB itu.

Abdul Rahim berkata, meskipun ketika ini ada lebih penawaran ruang pejabat khususnya di Kuala Lumpur, dalam tempoh lima tahun akan datang keadaannya akan berubah.

"Kita perlu melihat faktor permintaan untuk tempoh lima tahun akan datang yang mana ketika itu ekonomi kita akan bertambah rancak pelaksanaan pelbagai projek ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP)."

"Ini mewujudkan permintaan tinggi terhadap ruang pejabat," katanya.

Beberapa pihak sebelum ini mempertikaikan rancangan PNB membangunkan menara yang bakal menjadi bangunan tertinggi di Malaysia itu dengan alasan sudah ada lebih penawaran ruang pejabat di Kuala Lumpur.

**HISAKI Peralatan Industri & Pneumatik**

2" Pam Peayebu Diri dga Enjin HONDA GX390 JHP50DC

Penjana Letrik LH Series 1KVA - 5KVA

Penjana Letrik 5KVA dga Enjin HONDA GX390 HP5500

Bisah Pirus Berlian 014" - 26"

Perengkuh Sebala MR-2410B

1/2" Perengkuh Heatanman MI-17HE

1" Perengkuh Heatanman MI-5000GL

Pam Berkebut TPS-100A

Pam Berkebut FAS-250

Pam Berkebut BAV-150

Pam Penggalak Seadiri Villa 2-40

Suis Kawalan Buatan Itali

**YAMAMOTO Pam Air Berkualiti Tinggi**

**JUALAN . ALAT GANTIAN . SERVIS**

Jinhui Industries Sdn. Bhd. (199999M)  
Lot 6 & 9, Jalan Emas SD5/1, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-5273 1279 Faks: 03-5273 1183  
Email: jhi-sales@hisaki.com.my Laman Web: www.hisaki.com.my  
Cawangan Sabah: 088-420 632 Faks: 088-428 509

## DAULAT TUANKU

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم والاداب الاسلاميه  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Melajak Sembah  
Setinggi-Tinggi Tahniyah

DULI YANG MAHA MULIA  
YANG DI-PERTUAN BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR  
DK, DMN, DK (Perak), DK (Perlis), DK (Selangor), DK (Kedah), DK (Kelantan), DKYR, PPT  
Semoga Allah Memberkati Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku  
Sempena Hari Ulangtahn Keputeraan Baginda Yang Ke-63

Pada 14 Januari 2011  
Bersamaan 9 Safar 1432H  
Sembah Takzim Daripada  
Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Tertinggi dan  
Seluruh Warga Universiti Sains Islam Malaysia